

Pakaian sukan, jam tangan tiruan dirampas

Kuala Lumpur: Pakaian sukan dan jam tangan disyaki berjenama tiruan yang dianggarkan bernilai RM664,000, dirampas dalam serbuan di tiga premis kediaman di bahagian atas bangunan pusat beli-belah di Lorong Haji Taib, di sini, semalam.

Serbuan dijalankan sepasukan pegawai dan anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Perdagangan (KPDNHEP) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Selangor, pada jam 12 tengah hari.

Timbalan Pengarah Penguat Kuasa (Pencegahan) KPDNHEP

Putrajaya, Suhaimi Mat Sari, berkata barangan berkenaan menggunakan perihwal dagangan palsu jenama Adidas, Nike, Puma dan Under Armour, selain dua jenama tempatan Abstrax serta Al-Ikhsan.

"Kita merampas sebanyak 13,208 unit barang disyaki tiruan dengan jumlah keseluruhan dianggarkan bernilai lebih RM600,000.

"Selain itu, kita menahan tiga individu membabitkan dua wanita dan seorang lelaki tempatan dipercayai penjaga ketiga-tiga premis itu," katanya pada sidang media di lokasi serbuan, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah

KPDNHEP Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Ariffin Samsudin.

Suhaimi berkata, sindiket terbabit dipercayai meraih keuntungan lebih 100 peratus hasil jualan barangan disyaki tiruan terbabit.

"Barangan disyaki tiruan seperti pakaian sukan ini dijual pada harga RM50 berbanding harga RM100 hingga RM200 bagi barangan tulen.

"Kita juga akan mengenal pasti pemilik ketiga-tiga premis yang disewakan ini. Jika mereka didapati terbabit dalam kegiatan ini, kita akan mengambil tindakan lanjut," katanya.

Katanya, bekalan barangan disyaki tiruan berkenaan dipercayai diperolehi dari negara jiran untuk pasaran di sekitar Lembah Klang.

Katanya, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 8 (2) Akta Perihal Dagangan 2011, iaitu membekal atau menawarkan atau mendedah untuk pembekalan atau dalam milikan, jajaan atau kawalannya apa-apa barangan yang menggunakan perihwal dagangan palsu merujuk kepada cap dagang berdaftar.

Suhaimi berkata, sebanyak 103 kes mengikut Akta Perihal Dagangan 2011 direkodkan KPDNHEP di

ibu kota sejak Januari lalu hingga semalam.

"Setakat ini, 31 individu ditahan membabitkan lapan warga tempatan dan 23 warga asing. Diripada 103 kes direkodkan bawah Akta Perihal Dagangan 2011, sebanyak 74,990 unit barangan disyaki bernilai RM2,637,182.

"Kami memberi amaran keras kepada individu mahupun syarikat supaya tidak melanggar undang-undang, terutama membabitkan penjualan dan pengedaran barangan tiruan bagi mengelak dikenakan hukuman berat mengikut undang-undang," katanya.